

## TERMA PENGGUNAAN

Terma Penggunaan berikut menguasai penggunaan laman web MWM myWorld Malaysia Sdn. Bhd. (seterusnya dirujuk sebagai “**myWorld**”).

Ahli Cashback World juga tertakluk kepada Terma dan Syarat Umum Ahli Cashback World yang diputuskan bersama sebarang dokumen kontrak tambahan. Selain itu, Perjanjian Loyalty Merchant dan segala dokumen perundangan juga diguna pakai untuk Loyalty Merchant.

Pengguna laman web bersetuju dengan Terma dan Syarat ini dan menerima bahawa myWorld tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas penggunaan lama web ini, selagi mana dibenarkan oleh undang-undang. myWorld boleh mengubah suai dan meminda Terma Penggunaan ini dari semasa ke semasa dengan mengemaskinikannya. Penggunaan laman web ini secara berterusan berikutan pengubahsuaian ke atas Terma Penggunaan bermaksud bahawa anda bersetuju untuk terikat kepada batasan pengubahsuaian tersebut.

myWorld akan berusaha sedaya-upaya untuk menyampaikan maklumat yang betul dan terkini ke dalam laman web ini. Namun, tidak akan bertanggungjawab ke atas keterangan dan maklumat tersebut. Pengguna laman web ini bersetuju akan dengan sendirinya menanggung risiko terhadap akses ke dan juga sebarang penggunaan laman web ini serta kandungannya, sekiranya tidak dinyatakan oleh undang-undang. Selagi mana dibenarkan di sisi undang-undang, myWorld tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kemusnahan akibat daripada akses, penggunaan, ataupun ketakdayaan menggunakan laman web ini, atau bagi sebarang kesalahan atau ketinggalan di dalamnya.

Semua fail imej, teks, dan audio, serta animasi, video, dll, dan juga segala komponen lain bagi laman web ini dilindungi oleh hak cipta dan tidak boleh, secara keseluruhan mahupun sebahagiannya, diedarkan, dimuat turun, diubah, diguna semula, diarah semula, atau sebaliknya digunakan tanpa kebenaran jelas secara bertulis daripada myWorld. Fail daripada bahagian muat turun dalaman hanya boleh digunakan untuk tujuan peribadi.

myWorld berhak mengecualikan sesiapa sahaja daripada menerima maklumat mengikut budi bicaranya tanpa sebarang notis terlebih dahulu, bagi alasan-alasan termasuk tetapi tidak terhad kepada pelanggaran Terma Penggunaan di dalam ini oleh pengguna. Selagi mana dibenarkan oleh undang-undang, myWorld tidak akan bertanggungjawab ke atas kegiatan haram atau maklumat oleh rujukan elektronik daripada laman ini kepada laman lain jaringan sejagat, dan bagi kandungan yang disediakan oleh perseorangan dalam pertukaran idea di dalam forum kami, melainkan mereka mempunyai pengetahuan sebenar tentang kandungan tersebut, dan hanya sekiranya myWorld tidak bertindak dengan serta-merta memadam maklumat tersebut atau menghalang akses kepadanya. Kandungan yang berbau diskriminasi, menyinggung perasaan, tidak menyenangkan, ataupun salah di sisi undang-undang boleh dikeluarkan oleh myWorld pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang notis. Keputusan sama ada kandungan tersebut wujud terletak sepenuhnya di tangan myWorld.

Kami berbesar hati untuk menjawab sebarang persoalan lanjutan berkenaan Terma Penggunaan dan juga Terma dan Syarat Umum. Sila kemukakan kepada:

MWM myWorld Malaysia Sdn. Bhd.  
Menara Maxis, Tingkat 13  
Kuala Lumpur City Centre  
50088 Kuala Lumpur

Telefon: +603 277 907 30  
Emel: [partner.my@cashbackworld.com](mailto:partner.my@cashbackworld.com)

Syarikat liabiliti terhad yang mempunyai pejabat berdaftar di Kuala Lumpur, Malaysia  
Nombor Pendaftaran Syarikat: 1333550-A

## **PENAFIAN**

1. MWM myWorld Malaysia Sdn. Bhd. (seterusnya dirujuk sebagai “**myWorld**”) tidak bertanggungjawab, selagi mana dibenarkan oleh undang-undang, ke atas kesemasaan, ketepatan, kelengkapan, kesahihan, dan/atau kualiti maklumat yang diberikan. Syarat ini juga diguna pakai untuk semua produk dan perkhidmatan yang ditawarkan di laman web ini, termasuk keterangan produk, harga, dan maklumat yang disediakan mengenai rakan kontrak myWorld. Kesilapan teknikal dan/atau kerja penyelenggaraan, serta tujuan lain (seperti pelancaran semula laman web) yang mungkin akan mengakibatkan gangguan akses. myWorld tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian (termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian akibat kemerosotan perniagaan ataupun tidak mendapat untung) yang timbul dalam kontrak, *tort* atau sebaliknya daripada kebolehgunaan dan kebolehcapaian laman web ini. Tuntutan liabiliti terhadap myWorld berkenaan kerugian bersifat material dan tidak ketara (seperti tiada keuntungan, belanja yang gagal dilaksanakan, kerugian akibat kehilangan data, tuntutan pengayaan yang tidak adil, yuran guaman, atau yuran pelaksanaan kontrak) yang disebabkan oleh penggunaan maklumat yang diberikan atau dengan penggunaan maklumat yang tidak betul dan tidak lengkap pada dasarnya dikecualikan melainkan myWorld terbukti bertindak secara sengaja ataupun amat cuai. Segala tawaran tertakluk kepada perubahan dan tidak mengikat, sehingga diterima secara jelas. myWorld dengan jelas berhak mengubah suai, meminda, atau memadam sebahagian daripada kandungan laman web atau keseluruhan tawaran tanpa pemberitahuan khusus atau membatalkan terbitan secara berperingkat ataupun sepenuhnya.

2. Tambahan pula, myWorld tidak bertanggungjawab ke atas hiperpautan luaran dan kandungannya, yang dikendalikan oleh organisasi lain dan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kemusnahan yang berlaku disebabkan oleh dan/atau secara kebetulan dengan penggunaan hiperpautan tersebut. myWorld tidak bertanggungjawab, selagi mana dibenarkan oleh undang-undang, ke atas kesemasaan, ketepatan, kelengkapan, kesahihan, atau kualiti hiperpautan tersebut. Segala liabiliti terletak pada pembekal laman web yang dipautkan. myWorld tidak berpengaruh ke atas reka bentuk, kandungan, mahupun penulisan hiperpautan semasa dan akan datang. Atas sebab tersebut, myWorld dengan ini secara jelas tiada kaitan dengan kandungan bagi semua hiperpautan dan entri luar di dalam buku tamu, forum perbincangan, dan senarai mel yang telah ditetapkan oleh myWorld. Tidak mungkin semakan kandungan laman web berpaut dapat dilakukan tanpa petanda

kukuh mengenai pencerobohan atau pelanggaran undang-undang yang diguna pakai, melainkan pencerobohan/pelanggaran tersebut dihalang dengan serta-merta sebaik sahaja laporan diterima.

3. Laman web ini hanya boleh digunakan untuk tujuan mendapatkan maklumat peribadi dan komersial. Seluruh kandungan laman web ini dilindungi oleh hak cipta. Perlindungan ini diguna pakai tanpa mengira sama ada kandungan tersebut disediakan dengan mengenakan bayaran mahupun secara percuma. Sebarang penghasilan semula, penggunaan, sewaan, pinjaman, penerbitan, atau apa-apa jenis penggunaan lain tidak dibenarkan tanpa persetujuan bertulis daripada myWorld. Pelanggaran larangan ini boleh mengakitbatkan tindakan undang-undang dikenakan, khususnya berkenaan dengan tanda dagang, hak cipta, dan peraturan persaingan. myWorld secara jelasnya berhak ke atas semua hak cipta, tanda dagang, dan hak penggunaan (hak menggunakan kerja dan kebenaran menggunakan kerja) bagi laman web ini.

4. myWorld amat mementingkan penggunaan data peribadi secara teliti dan penuh kerahsiaan. Sekiranya laman Internet ini berkemungkinan mengakses data peribadi ataupun perniagaan (alamat emel, nama, alamat), data ini jelas didedahkan oleh pengguna secara sukarela, dan pendedahan tersebut boleh dihentikan oleh pengguna pada bila-bila masa dan myWorld hendaklah menghapuskan segala data peribadi berkaitan dengan serta-merta. Untuk keterangan lanjut mengenai dasar dan amalan perlindungan data myWorld dan penggunaan data peribadi myWorld, sila rujuk kepada Penafian Perlindungan Data myWorld.

5. Penafian ini hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada laman web. Sekiranya bahagian ataupun susun kata individu di dalam teks ini tidak, tidak lagi, atau langsung tidak sesuai dengan situasi guaman yang berkenaan, ia tidak akan memberikan kesan terhadap kandungan dan juga kesahihan bahagian lain dokumen ini.

6. Selain itu, myWorld tidak akan bertanggungjawab, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, ke atas kandungan ciptaan pengguna yang diedarkan di laman webnya. myWorld juga tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian akibat kandungan ini. Sesiapa yang memberikan apa jua bentuk komen/ulasan di laman web ini secara tersendirinya akan dipertanggungjawabkan ke atas sumbangannya sebagai penulis. Sekiranya berlaku pelanggaran hak sah pihak ketiga, pihak yang memulakan pelanggaran tersebut hendaklah memberi pampasan sepenuhnya dan sama sekali tidak membahayakan dan membayar ganti rugi kepada myWorld bagi sebarang dan segala kemusnahan dan kerugian secara langsung dan juga tidak langsung. myWorld berhak untuk menghapuskan sebarang kandungan yang disedari salah di sisi undang-undang, menyinggung tatasusila umum, atau sebaliknya menjejaskan reputasi myWorld; dalam hal sedemikian, tuntutan tidak boleh dibuat ke atas myWorld. Keputusan sama ada kandungan tersebut salah dari segi undang-undang hanya tertakluk kepada budi bicara myWorld, dan myWorld mempunyai hak sepenuhnya setiap masa.

Dokumen ini pada asalnya disediakan dalam Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan maklumat antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.